



NEWSLETTER

Disediakan Oleh:
AB. RAHMAN MOHAMAD
Pengarah, BPIIB

KAJIAN KES IMPAK PKP KEPADA SEKTOR PEMBUATAN



COVID-19

PKP Fasa 1: 18 – 31 Mac 2020 / PKP Fasa 2: 01 – 14 April 2020

Pengenalan

Pada akhir Disember 2019, penyakit pneumonia yang tidak dikenali di Wuhan, Republik Rakyat China (PRC) kini telah mengejutkan dunia dan boleh menyebabkan ekonomi dunia lumpuh jika wabak ini tidak diuruskan dengan baik. Dunia menjadi kelim kabut dimana banyak aktiviti rutin harian manusia telah terbatas dan pengeluaran industri pula menjadi perlahan dan terhenti.


Konsep dan Definisi

Konsep dan definisi yang digunakan selari dengan *International Recommendations for Industrial Statistics, United Nations Statistical Division*. Pembuatan ditakrifkan sebagai perubahan fizikal atau kimia ke atas bahan atau komponen menjadi produk baru sama ada kerja itu dilakukan oleh jentera yang dijalankan oleh kuasa atau yang dijalankan dengan tangan, sama ada dijalankan dalam kilang atau di rumah pekerja, dan sama ada barang keluaran dijual secara borong atau runcit.

**PENULARAN WABAK PANDEMIK COVID-19
KESELURUH DUNIA, APAKAH KESAN PKP TERHADAP
SEKTOR PEMBUATAN ????**



Eksport Domestik, Nilai Jualan dan Pertumbuhan Nilai Jualan, 2015-2020, Feb



Pengumuman WHO pada Mac 2020 yang mana COVID-19 telah menjadi isu pandemik telah memberi kesan secara langsung kepada industri pembuatan termasuk di Malaysia. Bagi mengelakkan penularan COVID-19, Kerajaan Malaysia telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 sehingga 28 April 2020. Justeru itu, semua aktiviti ekonomi perlu ditangguhkan kecuali *essential sector* sahaja dibenarkan beroperasi dalam tempoh PKP.






PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

PKP Fasa 1: 18 – 31 Mac 2020 / PKP Fasa 2: 01 – 14 April 2020

Pelaksanaan PKP secara tidak langsung memberi kesan kepada aktiviti ekonomi terutama dari sektor Pembuatan. Beberapa sektor dalam Pembuatan dibolehkan untuk meneruskan operasi sepanjang PKP dengan kelulusan MITI iaitu Makanan dan Minuman, Produk Barangan Rumah (seperti bahan pencuci, bahan pembasmi kuman, sanitisers, barang penjagaan, peralatan perlindungan peribadi (PPE) termasuk peralatan keselamatan kebakaran dan pakaian perubatan seperti topeng muka, sarung tangan getah, farmaseutikal termasuk semua bahan kimia dan ubat-ubatan, bahan pembungkusan dan percetakan, peranti perubatan dan pembedahan serta alat perubatan termasuk ventilator.



Apakah Kesan PKP terhadap Sektor Pembuatan?



**Senario Global
kuasa Ekonomi
Dunia**

**PMI RAKAN DAGANG UTAMA
MALAYSIA**


PMI – Purchasing Managing index

Apakah kesan PKP terhadap sektor Pembuatan?

PMI MALAYSIA



PMI Malaysia terus mengucup dan pada Mac 2020 skornya adalah 48.4 mata berbanding 48.5 mata pada Februari 2020. PMI bagi kebanyakan negara yang terlibat dengan PKP COVID-19 adalah dibawah paras 50 mata (muram). Antara faktor penurunan PMI adalah disebabkan samada kekurangan permintaan baru (*new order*) dari negara pengimport, kekurangan bekalan dan kelembapan dalam aktiviti eksport /import.

MALAYSIA




INDEKS PENGELUARAN PERINDUSTRIAN (IPI): RAKAN DAGANG UTAMA MALAYSIA

RAKAN DAGANG UTAMA MALAYSIA



MALAYSIA 2018-2020, Feb




IPI Malaysia pada Februari 2020 tumbuh pada 5.8 peratus. PKP yang berkuatkuasa pada 18 -31 Mac 2020 akan memberi kesan IPI Mac 2020. IPI Rakan Dagang utama Malaysia dengan Negara terjejas COVID-19 seperti China, USA, Jepun, Korea dijangka akan memberi kesan kepada sektor Pembuatan Malaysia. Kelembapan aktiviti di negara tersebut akan menjejaskan permintaan terutama melibatkan rantai bekalan sektor pembuatan (*supply change*) input perantara. IPI China yang menjunam ke paras terendah semenjak penularan wabak COVID-19.

SENARIO SEKTOR LUARAN : EKSPORT BARANGAN PEMBUATAN

Data Februari 2020 menunjukkan pertumbuhan ketara permintaan sarung tangan getah dari Malaysia


Eksport sarung tangan getah Malaysia pada tahun 2019 adalah berjumlah **RM17.4 bilion** manakala pada tahun 2018 berjumlah RM17.8 bilion. Wabak COVID-19 dijangka menjadikan permintaan terhadap sarung tangan getah **akan meningkat tahun 2020/2021**. Pada tahun 2019, Malaysia menguasai pasaran sebanyak **65 peratus** dan pesaing terdekat Malaysia adalah dari negara Thailand (17.0%) dan China (9.5%).



- ❑ Produk produk barangan bukan essential dijangka akan mengalami penurunan eksport ekoran penutupan kilang sepenuhnya pada kawalan PKP pada bulan Mac 2020 sehingga April 2020.
- ❑ Walau bagaimanapun produk E&E, Kimia, PO & PO Based juga akan menerima kesan sekiranya PKP tidak membenarkan pengoperasi secara optimum.

Produk	Februari 2020p (RM Juta)	Januari 2020p (RM Juta)	Februari 2019p (RM Juta)	m-o-m	y-o-y	Catatan
				%		
Total Exports	74,451.2	84,114.1	66,599.50	-11.5	11.8	
<i>E&E Products</i>	25,105.4	32,421.5	25,813.30	-22.6	-2.7	Essential Sektor
<i>Petroleum Products</i>	5,054.7	6,742.6	4,319.00	-25	17	
<i>Chemicals & Chemical Prod.</i>	4,302.4	4,252.0	3,926.70	1.2	9.6	Essential Sektor
<i>P.Oil & P.Oil-Based Agri. Prod.</i>	3,561.4	3,738.9	3,041.90	-4.7	17.1	Essential Sektor
<i>Machinery, Equipment & Parts</i>	3,475.5	3,444.6	2,825.00	0.9	23	
<i>LNG</i>	3,367.2	3,986.9	3,145.10	-15.5	7.1	
<i>Optical & Scientific Equipment</i>	3,314.4	3,066.2	2,196.80	8.1	50.9	
<i>Manufactures of Metal</i>	2,955.0	3,094.8	2,608.30	-4.5	13.3	
<i>Rubber Products</i>	2,315.2	2,214.0	1,981.40	4.6	16.8	Essential Sektor
<i>Iron & Steel Products</i>	2,266.2	1,853.6	1,047.60	22.3	116.3	

Sektor Essential Industri Pembuatan



Daripada 251 MSIC diperingkat 5 digit yang diliputi dalam Penyiasatan Pembuatan bulanan, didapati hanya 107 (43%) sahaja yang dikategorikan sebagai *essential services*.


Perkara	Keseluruhan Pembuatan		Anggaran Sumbangan <i>essential</i> sektor (RM Bilion)		Anggaran Sumbangan BUKAN <i>essential</i> sektor (RM bilion)		% Sumbangan <i>Essential</i>		% Sumbangan Bukan <i>Essential</i>	
	Jan-20	Feb-20	Jan-20	Feb-20	Jan-20	Feb-20	Jan-20	Feb-20	Jan-20	Feb-20
Nilai Jualan	117.99	110.60	78.94	73.34	39.05	37.26	66.9	66.3	33.1	33.7
Pekerja (juta orang)	2.28	2.28	1.09	1.09	1.19	1.19	48.0	47.9	52.0	52.1
Gaji dan Upah (RM Bilion)	7.66	7.61	3.99	3.95	3.67	3.66	52.1	51.9	47.9	48.1



NILAI JUALAN

Data Februari & Januari 2020 Pembuatan bulanan menunjukkan secara purata 66.6 peratus Nilai Jualan adalah dikategori dalam kumpulan *industri essential* yang mana ia meliputi 43 peratus (MSIC) daripada aktiviti sektor Pembuatan Malaysia.

Data Februari 2020 menunjukkan purata 48.0 peratus adalah dikategori dalam kumpulan *industry essential*.



PEKERJA




Purata 52 peratus gaji dan upah yang dibayar merupakan pekerja dalam *industri essential*.

GAJI DAN UPAH



ANGGARAN NILAI JUALAN PEMBUATAN BULANAN MAC 2020




Anggaran nilai jualan pada bulan Mac 2020 dijangka berkurang dari 7.0 peratus pada Februari 2020 kepada **-7.1 peratus hingga -11.5 peratus***. Ia susulan dengan kenyataan bahawa semua sektor yang tidak dikelaskan sebagai *essential* dikehendaki menghentikan operasi bagi mengekang wabak COVID-19 ini. Ia sejajar dengan unjuran yang dibuat oleh BNM baru-baru ini yang rata-ratanya mengunjur kadar Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia pada tahun ini adalah antara -3.5 peratus hingga 2.7 peratus disebabkan pandemik yang memberi kesan buruk secara langsung kepada pelancongan dan sektor perkilangan yang mula merosot bermula pada suku pertama tahun 2020.

*Nota: Menggunakan *Holt-Winters-Multiplicative Method*

INDUSTRI YANG TERKESAN COVID-19

Pertumbuhan Indeks Pembuatan vs IPI



Hubungan Nilai Jualan dan Domestik Ekport

Variable	Coefficient	Std. Error	t-Statistic	Prob.
C	15879.62	6321.816	2.511877	0.0154
DOMESTIK_EXPORT	1.404669	0.097789	14.36428	0.0000

1 peratus kenaikan Domestik ekport akan meningkatkan Nilai jualan sebanyak 1.4 peratus.



RUMUSAN

Sektor Pembuatan merupakan salah satu aktiviti ekonomi yang akan terjejas akibat daripada langkah PKP bagi mengekang penularan wabak Covid-19. Bagi Malaysia kesan keatas sektor pembuatan akan dapat dilihat secara jelas mulai bulan rujukan Mac 2020.

Langkah kerajaan menghadkan operasi perniagaan / perindustrian serta membenarkan hanya *essential service* sahaja boleh beroperasi dijangka sedikit sebanyak akan menjejaskan prestasi nilai jualan. Ini berikutan *essential service* ini dianggap menyumbang sekitar 60%-70% nilai jualan sector pembuatan, malah kapasiti tenaga manusia akan melibatkan hanya 50% pekerja akan menghad produktiviti syarikat.

Pertumbuhan eksport Malaysia sangat berkait rapat dengan sektor pembuatan dimana lebih 80% barangan pembuatan adalah untuk dieksport. Penularan COVID-19 di seluruh dunia akan menjejaskan Nilai Jualan Malaysia dan seterusnya akan mengurangkan eksport.

Hubungkait (*lingkages supply change*) antara rakan dagang utama Malaysia akan memperlahankan aktiviti eksport dan import. Akibatnya sektor pembuatan yang mana barangan perantara dan borang modal akan mengalami pengurangan dalam rantai bekalan berikutan kebanyakan negara telah melaksanakan perintah sekatan masuk dan keluar (*lockdown*).

PENAFIAN: Artikel dalam *newsletter* ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara *ad-hoc* di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan *newsletter* ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.

